

MAHATHIR - DEB

KUALA TERENGGANU, 2 OKT (BERNAMA)-- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA SELAGI PARA PENIAGA DAN PENGUSAHA BUMIPUTERA ENGGAN MEMPERBAIKI DIRI SENDIRI, MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU (DEB) TIDAK AKAN TERCAPAI WALAUPUN TEMPOH PELAKSANAANNYA DILANJUTKAN 1,000 TAHUN LAGI.

MENURUTNYA, AMALAN HENDAK CEPAT KAYA DENGAN MENGORBANKAN KEISTIMEWAAN YANG DISEDIAKAN KEPADA MEREKA AKAN HANYA MEMBANTUTKAN USAHA KERAJAAN UNTUK MELIHAT KAUM BUMIPUTERA MENGUASAI SEKURANG-KURANGNYA 30 PERATUS DARIPADA KEGIATAN EKONOMI NEGARA.

+MUSTAHIL MATLAMAT DEB ITU BOLEH TERCAPAI JIKA HANYA KERAJAAN YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH HENDAK MENOLONG SEDANGKAN MEREKA TIDAK MAHU MENOLONG DIRI SENDIRI,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 1,000 ORANG PADA MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PENJAJA DAN PENIAGA KECIL TERENGGANU DI WISMA DARUL IMAN, DI SINI.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD DAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SALAH SATU LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MEMPERCEPATKAN PROSES PENCAPAIAN MATLAMAT DEB ITU IALAH MENSYARATKAN SEMUA SYARIKAT BESAR NEGARA MENJUAL SEKURANG-KURANGNYA 30 PERATUS DARIPADA SAHAM MEREKA KEPADA BUMIPUTERA. -- LAGI

1538MST 02 10 90

D880

U B212 BAH  
MAHATHIR - DEB 2 KUALA TERENGGANU

MALANGNYA, KATA BELIAU, ADA SESETENGAH ORANG MELAYU YANG BERPELUANG MENIKMATI KEISTIMEWAAN ITU MENJUAL SEMULA SAHAM MEREKA KEPADA BANGSA LAIN.

+MALAH, KERANA TERLALU SANGAT HENDAK CEPAT KAYA, ADA DI ANTARA MEREKA YANG MEMBELI SAHAM PADA SEBELAH PAGI DAN MENJUAL SEMULA PADA SEBELAH PETANG,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA ITULAH DI ANTARA BEBERAPA PUNCA KENAPA SEHINGGA INI KAUM BUMIPUTERA HANYA MAMPU MENGUASAI 19 PERATUS DARIPADA KEGIATAN EKONOMI NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA KESAL DENGAN SIKAP SESETENGAH PENIAGA DAN PENGUSAHA MELAYU YANG +CUKUP SUSAH HENDAK MEMBAYAR BALIK+ PINJAMAN PERNIAGAAN KEPADA INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN SEPERTI MARA.

+ SAYA BIMBANG PERBUATAN SEORANG DUA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ITU AKAN MENYEBABKAN KITA TIDAK LAGI DIPERCAYAI ORANG DAN PADA SATU HARI KELAK KITA AKAN DIPANDANG SEBAGAI SATU BANGSA YANG TAK BAYAR BALIK HUTANG,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK ADA SEBARANG INSTITUSI KEWANGAN DI NEGARA INI YANG SENGAJA HENDAK MENEKAN PARA PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTERA. -- LAGI

1540MST 02 10 90

D881

U B213 BAH  
MAHATHIR - DEB 3 KUALA TERENGGANU

+KITA MESTILAH FAHAM BAHAWA SESEBUAH INSTITUSI KEWANGAN TENTU SEKALI INGIN TAHU SAMA ADA SESEORANG ITU MEMPUNYAI KEUPAYAAN UNTUK MEMBAYAR BALIK SEBELUM SESUATU PINJAMAN DILULUSKAN,+ KATANYA.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN PENIAGA-PENIAGA DAN PENGUSAHA KECIL DI SELURUH NEGARA KERANA PERNIAGAAN ATAU PERUSAHAAN SEUMPAMA ITU ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA SISTEM EKONOMI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA YANG TIDAK BOLEH DIABAIKAN. -- BERNAMA